

13/05/2001

Rombongan Jejak Bahasa DBP-TV3 dikawal ketat

AF Yassin

KETIKA rombongan Jejak Bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan TV3 mengunjungi Pontianak dan Medan, baru-baru ini, tidak terlintas di kalangan anggota seramai 10 orang itu akan bahaya yang menanti mereka. Cuma ketika berada di kedua-dua bandar Indonesia itu rombongan terasa bagaikan ada sesuatu yang kurang menyenangkan, terutama ketika rombongan mengadakan penggambaran di lokasi. Ada pengawal keselamatan dan paling sedikit enam atau tujuh orang tempatan yang mengiringi.

Sutradara Jejak Bahasa, Mohd Zailan Abd Rahman pernah menyatakan rasa kurang selesanya kerana begitu ramai yang mengekori rombongan ke lokasi penggambaran. Ketua rombongan Othman Ismail, Ketua Bahagian Penerbitan Bahasa, menganggap jumlah yang ramai itu sebenarnya tidak begitu diperlukan.

Seimbias lalu dengan keadaan yang dialami rombongan di beberapa lokasi lain, seperti Makassar, Manado, Jakarta, Siak, Palembang, Pekan Baru, Padang atau Jakarta sendiri, sememangnya pengiring keselamatan itu tidak diperlukan. Bagaimanapun lain halnya di kedua-dua bandar itu. Seorang pengiring tempatan di Pontianak berkata "Bapak akan lebih selamat di Jakarta, tapi tidak di sini. Kami bertanggungjawab menjaga keselamatan bapak semua." Perantara rombongan di Pontianak, budayawan Datuk Mawardi Rivai mahu rombongan berada dalam keadaan selesa sepanjang lima hari di kota itu. "Kalau perlu janganlah keluar malam kerana kapan-kapan bisa saja terjadi peristiwa yang tidak diinginkan," katanya.

Nasihat Mawardi ini adalah sama dengan nasihat yang diberikan konsul Malaysia di Pontianak, Ismail Salam ketika rombongan mengunjungi kediamannya pada petang ketibaan. Malah tengah malamnya Ismail mengunjungi rombongan di hotel penginapan untuk memastikan semua anggota berada dalam keadaan selamat.

Di Medan perantara rombongan, Prof Ahmad Samin Siregar, Pengarah Pusat Pengajian Malaysia, Universiti Sumatera Utara turut memastikan rombongan dikawal ketat. Ketika ke Jaring Halus, sebuah penempatan orang Melayu keturunan Kedah yang letaknya di muara sungai kira-kira tiga jam perjalanan dengan bot dari Tanjung Pura, Langkat seramai lapan orang anak tempatan mengiringi rombongan, antaranya anggota polis berpakaian preman, Camat Sicanggang, Drs Zulkifli dan dua wartawan dari Medan.

Ahmad Samin dan Mawardi prihatin dengan keselamatan rombongan. Apakah mereka sedar akan bahaya warga negara jirannya di daerah rawan itu? Dan adakah mereka memahami keadaan demikian tercipta kerana tindakan reformasi di negara itu yang mencetuskan demonstrasi jalanan yang semakin membudaya? Yang pasti kedua-dua penghubung itu berfikir sama, iaitu tetamu dari Malaysia ini mesti diberi perlindungan.

Pontianak kawasan rawan kerana pergaduhan antara masyarakat Dayak/Melayu dengan masyarakat Madura sehingga meninggalkan banyak korban. Keadaan itu diperburuk dengan adanya sentimen anti-Malaysia kerana dakwaan pencurian balak d sempadan dan layanan buruk pekerja Indonesia di Malaysia. Ancaman terhadap konsulat Malaysia di bandar itu menyebabkan anggota keluarga konsulat dibawa pulang dan kemungkinan besar akan ditutup jika suasana tidak dapat dikawal.

Di Medan dibimbangi pula nelayan akan menunjuk perasaan di depan konsulat Malaysia kerana peristiwa tragis nelayan Indonesia di perairan Malaysia baru-baru ini. Kedutaan Malaysia di Jakarta juga tidak terkecuali untuk menerima aksi tunjuk perasaan nelayan Indonesia ini.

Ahmad Samin memberitahu rombongan bahawa pernah terjadi pergaduhan antara nelayan yang datang dari Belawan dengan nelayan tempatan di Jaring Halus. Pergaduhan berlaku kerana dakwaan nelayan Jaring Halus bahawa nelayan dari Belawan menceroboh perairan menangkap ikan mereka. Maka bukan tidak mungkin tunjuk perasaan yang ingin dilakukan nelayan Medan itu ada kaitannya dengan sikap mereka di Jaring Halus.

Ada yang mengandaikan sikap agresif sesetengah masyarakat Indonesia hari ini adalah hasil daripada kebangkitan rakyat melalui kegiatan reformasi yang berjaya menggulingkan Presiden Soeharto beberapa tahun yang lalu. Dengan demokrasi ditegakkan yang membolehkan rakyat bersuara dan bertindak sesuka hati dan sesedap rasa tanpa batasan, maka seperti yang dikatakan seorang anggota pengiring di Medan, "Apa saja serba memungkinkan, tidak terkecuali tindakan mengancam konsulat Malaysia di Medan."

Pemerhati politik berpendapat ugutan terhadap konsulat Malaysia adalah disebabkan suasana politik yang berbeza di kedua-dua negara. Menurutnyanya rakyat Indonesia baru kenal erti demokrasi setelah berhasilnya pihak reformasi menumbangkan rejim yang dianggap terlalu keras menindas hak kebebasan bersuara. Jurang ekonomi yang tidak seimbang antara yang kaya dengan yang miskin begitu besar sehingga mencipta suasana rawan dan tak menentu. Lain halnya di Malaysia. Kelas menengahnya stabil dalam bidang ekonomi dan demonstrasi jalanan bukan budaya yang disenangi. Sikap tegas pihak berkuasa menangani masalah demonstrasi jalanan berjaya dikekang daripada terus merebak.

"Masalahnya sekarang, ada kemungkinan pihak tertentu sedang membuka laluan atau medan kedua untuk mencipta suasana tegang, bukan saja di antara dua negara tetapi juga di Malaysia sendiri," kata seorang pensyarah politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Senario ketegangan ini semakin jelas apabila pihak berkenaan gagal mendapatkan sokongan kumpulan masyarakat di Indonesia untuk menyertai demonstrasi di Kuala Lumpur. Cuma mereka masih mampu mempengaruhi media antarabangsa untuk terus menyokong perjuangan mereka."

Menurut pensyarah ini, senario itu akan cepat berubah dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini bahawa Malaysia akan mengambil pendekatan baru dalam hubungannya dengan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran George Bush dari Parti Republikan.

"Kita semua maklum dengan pendekatan baru yang diasaskan kepada hubungan berbaik-baik maka mungkin saja Malaysia akan terlepas daripada kecaman berterusan media Barat." Pensyarah itu optimis hubungan Malaysia-Amerika akan meningkat baik untuk menyamakan kedudukan hubungan Singapura-Amerika yang tidak pernah renggang.

Dalam pada itu pengumuman Menteri Luar, Datuk Seri Syed Jaafar Albar untuk mengkaji semula pengambilan buruh Indonesia bekerja di negara ini turut memberi kesan jangka panjang kepada rakyat negara jiran itu. Seorang usahawan Indonesia yang kebetulan sedang mengadakan mesyuarat seminggu di Kuala Lumpur ketika ditemui berkata jika Malaysia memutuskan tidak lagi mengizinkan rakyat Indonesia bekerja di sini, ia akan memberi pukulan hebat kepada pihak pemerintah.

Katanya, "Dengan pengangguran mencapai paras berbahaya dan keadaan politik tidak menentu di negara kami sekarang, mungkin saja Gus Dur akan bermasalah."

Gus Dur pula sedang menghadapi tekanan dari Dewan Perwakilan Rakyat supaya melepaskan jawatan kerana didakwa terbabit dalam apa yang disebut skandal Bulogate dan Bruneigate. Presiden itu sedang berhempas pulas mempertahankan kedudukannya dan membiarkan penyokongnya "bikin ribut-ribut". Pasukan Jihad yang ribuan jumlahnya sedang digerakkan dan akan bertindak jika Parlimen negara itu meluluskan Memorandum Kedua terhadap Gus Dur. Memorandum itu adalah lanjutan Memorandum pertama yang

dikeluarkan tiga bulan dulu untuk meminta pertanggungjawaban Presiden terhadap dakwaan salah lakunya.

Memorandum kedua ini akan diikuti dengan Sidang tergempar Majlis Perwakilan Rakyat, badan tertinggi negara itu yang akan membincangkan tindakan selanjutnya terhadap Presiden. Badan itu mempunyai kuasa memecat Presiden. Bahaya pasukan Jihad ini begitu dirasakan ketika beberapa pemimpin parti politik seperti Akhbar Tanjung (Golkar) dan Amien Rais dari Parti Keadilan Nasional (PAN) meminta perlindungan polis kerana keselamatan mereka terancam.

Pemerhati politik lebih yakin keadaan hubungan antara Malaysia dengan Amerika dan keadaan di Indonesia banyak mempengaruhi suasana politik di Malaysia. Demikian pula halnya dengan suasana ketegangan di konsulat Malaysia di Pontianak dan Medan. Adalah sukar meneka apa yang sedang difikirkan oleh sekumpulan rakyat Indonesia di kedua-dua bandar itu kerana dalam keadaan demokrasi total yang dicipta setelah jatuhnya Presiden Soeharto, pemerintah sukar mengawal keadaan. Seperti yang pernah dikatakan Timbo Siahaan, seorang pengkritik Gus Dur di Jakarta, Februari lalu, "Tidak mungkin Indonesia akan aman secara politik, jika kematangan berpolitik rakyatnya masih lagi belum tampak. Sebenarnya demokrasi ala-Barat yang diinginkan sekelompok orang atau parti di negara kami hanya akan menjadi igauan politik yang tidak akan dapat diselesaikan dengan hanya kata-kata tanpa tindakan konkrit."

Jika pandangan Siahaan ini diambil kira maka adalah sukar bagi Indonesia membendung ledakan sentimen sekumpulan warganya terhadap Malaysia, terutama di Pontianak dan Medan. Dan ini tentunya akan menambahkan lagi ketegangan hubungan timbal balik kedua-dua negara. Yang akan menjadi mangsa ialah rakyat kecil dua negara berjiran yang masih mempunyai hubungan baik, terutama yang ada keluarga.

Walaupun suasana rasa terancam tidak dirasakan oleh rombongan Jejak Bahasa DBP-TV3 sewaktu mereka mengadakan penggambaran di kedua-dua kota itu, namun kehadiran ramai pengiring keselamatan seperti memberi tanda bahaya yang mungkin mereka hadapi.

(END)